

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN SEMINAR BIOGRAFI MALAYSIA

TEMPAT: RUMAH UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYA

TARIKH: 26 APR 1986

MASA:

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada penganjur majlis ini kerana memberi saya penghormatan untuk merasmikan Seminar Biografi Malaysia ini dan juga seterusnya melancarkan Projek Kamus Biografi Malaysia. Kesempatan ini memberikan saya peluang untuk menyatakan pandangan saya tentang Projek Kamus Biografi ini, di samping berpeluang pula bertemu dengan para ahli akademik dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

2. Saya rasa memang sudah sampailah masanya Malaysia menerbitkan Kamus Biografinya sendiri. Bukan kerana semua negara maju mempunyai Kamusnya sendiri, tetapi oleh kerana kita sangat-sangat memerlukan buku rujukan yang lengkap tentang tokoh-tokoh yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang dapat kita banggakan.

3. Saya berharap Kamus Biografi ini nanti akan menjadi bahan rujukan yang berguna bagi mengkaji tentang tokoh-tokoh penting dalam sejarah Malaysia. Untuk mencapai mutu yang tinggi saya berharap Kamus Biografi ini akan merupakan hasil penyelidikan yang mendalam, pertimbangan yang matang dan penilaian yang objektif. Sebagai satu projek yang bercorak kebangsaan, dalam erti dikerjakan secara bersama oleh para sarjana dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta badan-badan Kerajaan yang lain seperti Arkib Negara dan Perpustakaan Negara, maka Kamus Biografi Malaysia ini mestilah bebas daripada kepentingan perdagangan, atau kepentingan politik, ataupun kepentingan orang-orang tertentu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Bangsa dan negara yang besar dan berkebudayaan tinggi adalah bangsa dan negara yang tahu menghargai jasa pahlawannya -- baik mereka yang berjuang dengan senjata untuk mempertahankan negara, atau mereka yang berjuang dengan kepintaran siasah dan akal fikiran untuk mencapai kemerdekaan dan mengembalikan maruah bangsanya dengan mengorbankan harta-benda, tenaga dan masa, mahupun mereka yang mengabdikan diri kepada ilmu untuk mendidik anak

bangsanya.

5. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam ini hendaklah dikenang. Seperti kita mempelajari aspek-aspek sejarah yang lain, meneliti sumbangan tokoh-tokoh zaman silam akan memberi pengajaran dan panduan kepada kita semua bagi membangun negara ini. Sebaik-baik cara mengenang mereka ialah dengan mengabadikan jasa mereka dalam bentuk buku untuk bacaan umum dan bahan pelajaran kanak-kanak di sekolah. Dengan itu usaha saudara-saudara mengumpul, mengkaji, menulis dan menerbitkan riwayat hidup tokoh-tokoh zaman silam dalam Kamus Biografi Malaysia ini adalah kegiatan yang penting dan merupakan sumbangan besar dalam usaha mendidik dan memupuk kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat negeri ini, terutama generasi muda.

6. Saya juga berharap maklumat dalam Kamus ini nanti boleh digunakan bukan saja oleh golongan sarjana dan penyelidik tetapi juga oleh orang awam, termasuk ahli-ahli politik, pegawai pentadbir, wartawan, penulis dan kanak-kanak sekolah. Dengan itu perhatian khusus hendaklah diberikan kepada cara persembahannya supaya sesuai sebagai bacaan umum.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Bagi saya, sejarah adalah lebih daripada hanya sebagai satu sumber untuk mempelajari masa lampau. Bahkan sejarah menunjukkan arah untuk masa depan. Hanya dengan mengetahui dan meneliti apa yang kita lakukan hari semalam, kita tahu apa yang hendak kita lakukan hari ini. Begitu juga, kita hanya boleh tahu siapa kita kalau kita tahu asal usul kita, nenek moyang kita. Melalui sejarah, kita mengenal diri kita, keluarga kita, kaum kerabat kita, jiran tetangga kita, komuniti kita dan bangsa kita. Dan pengertian ini semua memberikan kita kesedaran berkeluarga, berjiran tetangga, berkomuniti dan bernegara. Demikianlah sejarah menyedarkan bahawa kita adalah satu bangsa, dibentuk atas kebijaksanaan pemimpin kita, dari kaum-kaum yang pada suatu waktu hidup secara bersendirian-sendiri tanpa rasa persamaan dan tanpa terikat oleh sesuatu destinasi. Haruslah kita ingat bahawa sesiapa yang tidak mempelajari sejarah akan didera dengan mengulangi segala kesalahan berkali-kali.

8. Sekarang ini, sungguhpun kesedaran perkauman masih ada, mungkin masih tebal di setengah-setengah golongan, tetapi kita semua sedar bahawa kita tidak dapat elak daripada meneruskan hidup ini secara bersama. Kita sama-sama berpeluang menentukan sama ada mahu hidup dalam aman dan damai antara satu sama lain atas dasar saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, atau mahu hidup terus menerus dalam keadaan tidak aman dan tenteram yang tidak mungkin menguntungkan sesiapa.

9. Menoleh ke belakang menyedarkan kita betapa jauh kita sudah berjalan bersama-sama untuk membentuk suatu bangsa Malaysia. Titik-titik hitam sepanjang perjalanan itu

memberikan kita panduan untuk membezakan nilai-nilai yang baik dengan yang buruk, yang hendak dipelihara dan diteruskan dan yang hendak dilenyapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Biografi adalah sebahagian daripada pengkajian sejarah. Melalui biografi kita boleh belajar banyak pengalaman bangsa dengan meneliti kehidupan tokoh-tokoh pentingnya. Pada pandangan saya, biografi menarik kerana dua sebab. Pertama, kerana kita selalu digalakkan oleh rasa ingin tahu tentang perwatakan dan kehidupan peribadi manusia yang terkenal, apa lagi kalau tokoh itu memang pujaan kita. Kedua, hanya melalui biografi kita dapat membaca apa yang sebenarnya berlaku di balik tabir, di belakang pentas dan dalam fikiran tokoh-tokoh yang terlibat. Sejarah lebih membicarakan hal-hal yang luaran. Bijak pandai mengatakan sejarah hanya boleh masuk atau boleh sampai di balairong seri istana-istana, ruang tamu kediaman rasmi dan kamar kerja Presiden dan Perdana Menteri sahaja. Sedangkan biografi boleh masuk lebih jauh ke dalam, kadang-kadang sampai ke kamar tidur tokoh yang dibicarakan. Sejauh manakah pengintipan ini boleh dijalankan adalah soal moral yang perlu saudara-saudara putuskan. Saya hanya berharap batasan itu tidak melampaui tata-akhlak yang dapat diterima oleh bangsa kita.

11. Memang selalu ada jurang di antara imej tokoh yang rasmi, sesuai dengan jawatan yang disandangnya, dengan wataknya yang sebenar sebagai manusia. Dalam sejarah, kita membaca tentang sesuatu keputusan yang dibuat dan sebab-sebab yang rasmi mengapa keputusan itu dibuat. Di dalam biografi kita berpeluang menjengok kepada sebab-sebab yang sebenarnya.

12. Kadang-kadang memang terdapat jurang di antara pendapat peribadi kita dengan pendapat rasmi jawatan yang dipegang. Semua mereka yang memegang jawatan awam yang penting pasti pernah mengalami ini. Ini selalu benar berlaku walaupun kita menjadi kapten yang menentukan nasib anak buah kita.

13. Sungguhpun biografi adalah bahan bacaan yang menarik, agak aneh juga tidak begitu banyak hasil karya biografi di Malaysia terutama dalam Bahasa Malaysia. YTM Tunku Abdul Rahman Putra banyak sekali menulis tentang pengalaman beliau di masa silam. Saya percaya tulisan beliau mendapat sambutan yang hangat dari pembaca. Beberapa tokoh politik lain, seperti En. Abdul Aziz Ishak, Tan Sri Datuk Dr. Mohamad bin Mohd. Said dan Allahyarham Ahmad Boestamam ada menuliskan riwayat hidup mereka sesudah mereka bersara dari politik. General Tan Sri Ibrahim bin Ismail menuliskan 'Have You Met Mariam' dari pengalamannya sebagai anggota tentera. Saya percaya menulis riwayat hidup sendiri merupakan profesion kedua yang memuaskan bagi mereka yang telah lama berkhidmat dalam sektor awam. Maka itu saya ingin menggalakkan saudara-saudari dan tokoh-tokoh dalam semua bidang kehidupan supaya menuliskan kisah-kisah menarik

dari kehidupan masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya gembira mendapat tahu yang Seminar Biografi Malaysia ini dibiayai sepenuhnya oleh New Straits Times. Ini satu lagi tanda kejayaan konsep Persyarikatan Malaysia. Saya berharap lebih banyak lagi pihak swasta akan tampil untuk membantu projek yang seperti ini. 'Dictionary of American Biography' setebal 20 jilid telah dibiayai oleh sebuah syarikat akhbar di negara itu, manakala 'Dictionary of National Biography' di Great Britain, setebal 22 jilid, adalah atas usaha dan dimiliki oleh seorang dermawan.

15. Saya ingin menyeru kepada hartawan dan dermawan kita untuk tampil ke muka dan mengambil projek ini sebagai anak angkatnya. Saya yakin ini adalah sumbangan yang besar ertinya kepada sejarah, ilmu dan negara.

16. Dengan itu, saya dengan sukacita merasmikan Seminar Biografi Malaysia ini dan melancarkan Projek Kamus Biografi Malaysia.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.